



## KERATAN AKHBAR

|             |   |                  |            |   |    |
|-------------|---|------------------|------------|---|----|
| AKHBAR      | : | KOSMO            |            |   |    |
| TARIKH      | : | 7/8/2019         | MUKA SURAT | : | 16 |
| JABATAN     | : | PERHILITAN       |            |   |    |
| KLASIFIKASI | : | <b>PERHATIAN</b> |            |   |    |

Gajah jantan liar berkeliaran sejak dua bulan lalu

# Awang Plang ditangkap

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

**G**ERIK – Seekor gajah jantan yang dilaporkan merosakkan tanaman dan memasuki kawasan Kampung Rancangan Plang di sini berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak pada Sabtu lalu.

Pengarah Perhilitan Perak, Yusoff Shariff berkata, gajah yang digelar Awang Plang itu ditangkap dalam satu operasi yang dijalankan sepasukan lapan pegawai Unit Tangkapan Gajah (UTG) Gerik, Sungai Siput dan Selama.

“Sebelum ini, Pejabat Perhilitan Gerik menerima aduan gangguan seekor gajah dianggarkan berusia 20-25 tahun itu sejak dua bulan lalu.

“Penduduk bimbang apabila mereka menemui kesan tapak kaki dan najis haiwan berkenaan ketika menjalankan aktiviti berkebun dan menoreh getah,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Tambah Yusoff, UTG menjalankan operasi sejak 27 Julai lalu bagi mengesannya dan hasil pemerhatian mendapati, gajah liar berkenaan hanya bergerak sendirian dipercayai terkeluar daripada kawanannya selain mencari makan di kawasan kampung.

“Tangkapan terus dilakukan apabila haiwan seberat dua tan itu mula menghampir rumah penduduk.

“Haiwan itu kemudian diletakkan di bawah paman-tauan UTG Gerik dan ia berada dalam keadaan sihat,” katanya.



GAJAH jantan liar yang digelar Awang Plang ditangkap ketika mencari makan di kawasan Kampung Rancangan Plang, Gerik pada Sabtu lalu.

Katanya, pasukan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan, Kuala Gandah, Pahang akan dipanggil untuk mem-

bantu memindahkan gajah berkenaan ke habitat asalnya di Hutan Simpan Royal Belum Khamis ini.